

## **DHPP sasar 1,000 ahli baharu setiap bulan**

**MORIB** - Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP) Negeri Selangor menyifatkan 700 permohonan keahlian baharu yang diterima sejak 1 Januari hingga semalam membuktikan sokongan ahli masih tidak berbelah bahagi kepada Pas.

Pengarah Pilihanraya DHPP Selangor, M Rajan berkata, setakat ini permohonan baharu dari enam kawasan termasuk Shah Alam, Kota Raja, Klang, Sabak Bernam, Selat Klang (Kapar) dan Morib (Kuala Langat) diterima selain menasarkan dapat mengumpul 1,000 penyokong baharu setiap bulan menjelang pilihan raya umum nanti.

Menurutnya, beliau percaya sokongan ahli tetap kuat walau pun terdapat pelbagai tanggapan negatif terhadap parti itu.

"Saya lihat penyokong bukan Muslim masih melihat perjuangan Pakatan Harapan tidak relevan dengan membawa nama Tun Mahathir.

"Tun Mahathir boleh kembali kepada Barisan Nasional bila-bila masa, sebab dia adalah "second BN group". Nalurnya masih lagi hidup dalam ahli Umno," katanya mengulas mengenai penyerahan 37 borang keahlian baharu ke-



Rajan (tiga, kiri) menyampaikan borang keahlian kepada Salehudin di Bilik Gerakan Pas di Morib.

pada Timbalan Yang Dipertua Pas Kuala Langat, Dr Salehudin Hafiz di Bilik Gerakan Pas di Morib.

Mengulas mengenai sokongan DHPP di Kuala Langat, beliau memberitahu sokongan tetap berterusan sehinggalah PRU nanti.

Katanya, tidak kira siapa sahaja calon Pas diletakkan di empat-empat kerusi termasuk di kerusi Parlimen Kuala Langat sekalipun sokongan DHPP tetap kuat.

"Saya fikir calon-calon yang bakal bertanding di kerusi tiga

penjuru di kebanyakan kawasan termasuk di Kuala Langat mempunyai kelebihan bagaimanapun, kelebihan pasti berpihak kepada Pas apabila kebanyakan parti dilihat sedang berdepan dengan pelbagai isu," katanya.

Beliau yang juga Naib Ketua DHPP Selangor, berharap lebih ramai penyokong membuka mata dengan apa yang berlaku.

Katanya, tidak mustahil calon nama besar diletakkan tidak dapat memenangi hati rakyat tetapi perjuangan yang ditonjolkan oleh parti memainkan peranan untuk rakyat memilih.

## Lebih 3.6 juta rakyat tidak daftar mengundi

**BANTING** - Laporan mengenai lebih 3.6 juta rakyat Malaysia tidak daftar mengundi sebenarnya dilihat berdepan dengan penurunan bilangan berbanding kiraan tahun sebelumnya yang berjumlah 4.2 juta rakyat Malaysia.

Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kuala Langat, Mohd Afiq Mohd Tuniman berkata, daripada perbandingan jumlah itu terdapat 0.6 juta rakyat dalam kalangan belia sebenarnya sudah didedahkan dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) ini.

"Setiap undian adalah suara rakyat, hak rakyat. Jadi rakyat bertanggungjawab memilih pemimpin yang boleh memimpin bangsa, agama dan negara.

"Penumpuan semula adalah pada pergerakan dunia politik hari ini. Sebenarnya kalau tidak wujud golongan muda siapalah penentu pemimpin negara kita. Golongan belia kebanyakannya hanya terdedah pada media masa yang menampakkan dunia politik termasuk ahli politik itu sendiri cuma satu subjek bagi



MOHD AFIQ

mereka," katanya mengulas mengenai kenyataan SPR mengenai 3.6 juta rakyat Malaysia tidak daftar mengundi.

Mohd Afiq berkata, kesungguhan penyampaian dalam diri seseorang ahli politik yang kurang menumpukan golongan belia ini juga boleh dijadikan sebab kenapa politik ini kurang menarik minat mereka.

"Mereka perlu ditekankan supaya lebih faham kerana mereka juga mengalaminya sendiri cuma berbeza cara dan gaya hidup masing-masing. Sedikit sebanyak memberi kesan kepada mereka juga.

"Justeru, golongan belia yang tinggal bersama keluarga terutamanya ibu bapa atau penjaga, mereka memainkan peranan untuk memberi pendedahan terang dan jelas tentang pro dan kontra politik serta bersama-sama menyuruh anak-anak mereka keluar mengundi tanpa kira siapa pun pilihan partinya," katanya.

Jelasnya, jika belia dapat pendedahan yang baik anak muda ini pasti akan cenderung untuk keluar mengundi.

# Ternakan siakap ada potensi

Koperasi Kampung Bandar Berhad optimis jadikan projek ini punca pendapatan ahli

**KUALA LANGAT** - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memilih Koperasi Kampung Bandar Berhad (KKBB) sebagai kampung ketiga yang menggerakkan Program Desa Lestari di Daerah Kuala Langat.

Pengerusi KKBB, Abdul Rahman Abdullah berkata, beliau bercadang mengembangkan aktiviti penternakan ikan siakap menjadi projek utama kampung sebagai punca pendapatan ahli-ahlinya.

Menurutnya, sebuah lori lima tan diterima dan bakal digunakan sebagai penghantaran ikan dalam usaha menjadikan jenama ikan siakap di Kampung Bandar terkenal di seluruh Malaysia.

"Kita menggalakkan ahli mengambil peluang yang diberikan oleh KKLW disebabkan pilihan kampung ini sangat ketat jadi, ahli kena buat yang terbaik."

"Dalam sektor ekono-

• Sebanyak 193 buah koperasi telah didaftarkan di Daerah Kuala Langat dan Sepang termasuk 85 buah koperasi di Kuala Langat

mi ini juga, kita bakal mengembangkan pelbagai projek lain termasuk bidang pengkhususan, perusahaan, pelancongan dan sebagainya," katanya mengakui selepas pelaksanaan setahun dalam penternakan ikan siakap kini mendapat impak peningkatan pendapatan KKBB.

Beliau ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama KKBB di Dewan Orang Ramai Kampung Bandar, pagi kelmarin berkata, beliau bangga apabila penduduk turut menyambut baik usaha pihak kampung untuk menggerakkan kope-



Abdul Rahman (tujuh, kanan) Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (KKLW), Alda Shazleen Mohd Suhaimi (empat, kanan) dan sebahagian penduduk kampung yang menyertai Koperasi Kampung Bandar Berhad menunjukkan isyarat bagus selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama di Kampung Bandar pagi semalam.

rasi selepas menjalani beberapa tapisan daripada pelbagai agensi termasuk KKLW dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Kuala Langat dan Sepang, Assakirin Abdul Manap berkata, sistem koperasi digunakan kerana mempunyai pengiktirafan, pengawalan dan pemantau-

an setiap tahun.

Menurutnya dengan adanya koperasi, mesyuarat agung akan dijalankan sekali gus membolehkan koperasi meyakinkan ahli bahawa KKBB adalah organisasi yang berusaha meningkatkan sosioekonomi ahlinya.

"Saya percaya, sistem koperasi yang diguna pakai dalam Program Desa Lestari hanyalah membenarkan orang

tempatan menyertainya sebagai usaha membantu meningkatkan taraf hidup penduduk.

"Namun, ia hendaklah digerakkan dan pastikan koperasi terus maju dan membantu setiap ahli," katanya.

Assakirin berkata, sebanyak 193 buah koperasi telah didaftarkan di Daerah Kuala Langat dan Sepang termasuk 85 buah koperasi

di Kuala Langat.

Katanya, koperasi paling lama bertahan sehingga hari ini adalah Koperasi Kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang telah didaftarkan pada tahun 1937 iaitu sudah hampir 90 tahun.

"Saya harap koperasi lain di daerah ini dan di Selangor dapat jadi contoh menggerakkan koperasi agar bertahan.

"Kita kena pastikan koperasi itu terus maju dan boleh membantu ahli," katanya.

Kampung Bandar antara projek Desa Lestari yang melengkapkan kawasan luar bandar dengan prasarana yang membolehkan penduduk setempat menjana pendapatan melalui kegiatan ekonomi setempat.

Dalam program itu juga, majlis menandatangani perjanjian insurans khairat kematian turut diadakan bagi memberi peluang ahli menikmati keistimewaan menyertai koperasi berkenaan.